

## ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM MENURUT TAHIA JABIR AL-ALWANI (1935-2016)

Prof Madya Dr Mohd Rumaizuddin Ghazali<sup>i</sup><sup>i</sup> Pensyarah kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract (Example)</b>
<p><i>Artikel ini membincangkan secara ringkas biografi Taha Jabir al-Alwani dan adab perbezaan pendapat dalam karyanya Adab al-Ikhtilaf fi al-Islam. Beliau telah menyoroti adab perbezaan pendapat pada zaman nabi, zaman para sahabat dan imam mazhab sehingga zaman kini. Perbezaan pendapat dalam bidang cabangan fikah ('furu') adalah perkara tabi'i disebabkan faktor bahasa, sebab perniwayatan hadis dan kaedah usul. Perbezaan dalam perkara cabangan fikah sebagai rahmat dan kelapangan bagi umat ini serta kekayaan dalam proses pengambilan hukum. Beliau turut menggariskan jalan penyelesaian umat Islam dalam menghadapi krisis kehilangan adab ini dengan melatih para belia dengan ilmu syariat dan moden, mengukuhkan institusi pendidikan yang berteraskan pengislaman ilmu dan membentuk pemikiran Islam yang tulen.</i></p> <p>Kata kunci: <i>adab perbezaan pendapat, adab berdialog, pemikiran Islam dan pengislaman ilmu</i></p>	<p><i>This article briefly discusses the biography of Taha Jabir al-Alwani and ethics of disagreement that have been espoused in his book, Adab al-Ikhtilaf fi al-Islam. He surveyed the ethics of disagreements and dissension during the time of the Prophet, the Companions and leading scholars (imam) of madhahib until the contemporary era. Differences of opinions in fiqh branches ('furu') is natural due to the language factor, the transmissions of ahadith and methodologies (usul fiqh). The differences in the fiqh are considered as blessings (rahmah) which provide space and wealth of knowledge from which the law-making process is derived. He also outlined the solutions for Muslims to wade through this crisis of the loss of adab; the solutions include training of Muslim youths with the fundamentals of modern and religious sciences, strengthening of the educational institutions that pursue the islamisation of knowledge, and establishing the true Islamic thoughts.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>ethics of disagreement, ethics of dialogues, Islamic thoughts and the Islamization of knowledge</i></p>

### BIOGRAFI TAHIA JABIR AL-ALWANI

#### Pendahuluan

Artikel ini membincarakan biografi Taha Jabir secara ringkas serta pandangannya dalam adab al-Ikhtilaf. Beliau turut menjelaskan perkembangan adab perbezaan

pendapat sejak zaman Rasulullah SAW sehingga zaman kini dan menjadikannya sebagai satu wahana pembinaan tamadun dan pengkayaan khazanah ilmu Islam. Oleh demikian, adab-adab perbezaan pendapat yang telah digariskan oleh syariat Islam sewajibnya dipatuhi supaya ia menghasilkan natijah yang terbaik dalam setiap perbincangan dan dialog Perenggan 2 (Palatino Linotype saiz 12, Unbold, Justify).

### **1.1 Taha Jabir al-Alwani : Satu Biografi Ringkas**

Taha Jabir dilahirkan pada tahun 1935 di Falujah, negeri al-Anbar, Iraq. Beliau mendapat didikan awal di Kuttab dan juga halaqah di masjid. Kemudian di sekolah rendah Falujah sehingga mendapat sijil sekolah rendah pada tahun 1949. Taha Jabir menyifatkan permulaan peringkat pengajian agama yang mana gurunya sering menyebut dan menganggap mencukur janggut adalah haram dan fasik, memakai kopiah dan serban adalah wajib, memakai seluar menyerupai orang kafir, melarang wanita keluar dari rumah dan khitan anak perempuan adalah wajib. Namun, keadaan ini berubah apabila Taha Jabir belajar di Universiti al-Azhar dan menyifatkan al-Azhar mengajarnya sebagai seorang yang sederhana (Abu Hulaiwah, 2011:18).

Kemudian beliau memasuki sekolah agama al-Asfiah di Baghdad sehingga mendapat sijil menengah pada tahun 1952. Semasa di Baghdad ini, beliau juga belajar dari ulama besar Iraq seperti Syeikh Amjad Zahawi, Syeikh Qasim al-Qabsi-Mufti Iraq dan juga Syeikh al-Alusi. Pada tahun 1953, beliau telah memperolehi Sijil Menengah al-Azhar yang melayakkan beliau memasuki Kuliah Syariah dan Undang-Undang, Universiti al-Azhar dan memperolehi B.A pada tahun 1959. Beliau mendapat M.A pada tahun 1968 dan Ph.D pada tahun 1973 dengan tesis *tahqiq al-Mahsul Fi Ilm Usul Fiqh* oleh Imam Fakhruddin al-Razi.

Di al-Azhar, Taha Jabir belajar memahami perkembangan mazhab-mazhab dan fikah serta terkesan dengan tokoh dan perkembangan ilmu di sana. Beliau turut memahami mazhab lama dengan mazhab baru bagi mazhab Syafie dan bagaiman Imam Syafie menukar pandangan dan pendapat tersebut. Perkara ini telah memberi manfaat kepada dirinya dan al-Azhar mendidiknya menjadi seorang yang sederhana dan berjiwa umatik. Beliau merupakan al-Azhari dari peringkat menengah sehingga peringkat Ph.D.

### **Pekerjaan**

1. Beliau menjadi imam, khatib dan mengajar di Masjid Hajah Hasibah di Baghdad dari tahun 1953-1969.
2. Mengajar di Kolej Pengajian Islam dan Kolej Ketenteraan, Baghdad dari tahun 1964 sehingga tahun 1979.
3. Menjadi Penasihat bahagian Undang-Undang di Arab Saudi pada tahun 1975-76
4. Menjadi guru di Kolej Kepolisian di Riyadh pada tahun 1977-1983
5. Pengasas dan ahli Rabitah al-Alam al-Islami di Mekkah

6. Ahli di Majma' Fiqh Islami OIC di Jeddah
7. Profesor di Kuliah Syariah, Universiti Imam Muhamad bin Saud dari tahun 1975-1984.
8. Pada tahun 1981, beliau bersama-sama mengasaskan IIIT ( Institut Pemikiran Islam Antarabangsa) di Amerika Syarikat. Beliau telah berpindah ke US dan menjadi Ketua Biro Penyelidikan pada tahun 1984-1986, Timbalan Presiden IIIT dan Presiden setelah kematian Ismail al-Faruqi
9. Presiden Universiti Qurtuba di Virginia dan Pemegang Kerusi Imam al-Syafie di Universiti tersebut.
10. Beliau juga menjadi Ketua editor Majalah Muslim Muasir terbitan IIIT. dari 2002-2007.
11. Ketua Majlis Fikah Amerika Utara dan Kanada dari tahun 1988-2005

Salah satu sifatnya ialah tidak suka mengeluarkan fatwa. Hal ini kerana semasa belajar di sekolah Falujah, guru agama menyebut tentang bahaya mufti yang mengeluarkan fatwa yang salah dan masyarakat beramal dengan fatwa tersebut. Perkara itu masih dalam ingatannya yang menyebabkan beliau tidak gemar dalam memberi dan mengeluarkan fatwa. Oleh itu, beliau lebih gemar dalam bidang penyelidikan, menulis dan mengajar. Semasa menjadi Pengerusi Majlis Fikah Amerika Utara, apabila timbul sesuatu permasalahan, beliau akan menanyakan kepada para ulama yang lebih arif atau kepada institut fatwa yang berwibawa dari mengeluarkan fatwa (Hulaiwah,2011:22)

Di akhir hayatnya, beliau tinggal di Kaherah (Zamalik) dan menghabiskan usia dengan menulis buku-buku. Beliau meninggal dunia di Kaherah pada 4 Mac 2016 dan dikebumikan di Virginia, Amerika Syarikat atas wasiatnya agar dikebumikan di sisi isterinya Dr Muna Abu Fadil.

### **Penulisan**

1. *al-Mahsul Fi 'Ilm Usul al-Fiqh* Imam Fakhruddin al-Razi.Buku ini merupakan penyuntingan (tahqiq) buku karangan Imam Fakharuddin al-Razi mengenai Usul Fikah yang mengandungi 6 jild.
2. *Nahwa al-Tajdid wa al-Ijtihad-Maraja'at al-Manzumah al-Ma'rifat-* ( Ke arah Pembaharuan dan Ijtihad- Rujukan kepada Ilmu Pengetahuan). Buku ini membicarakan ilmu asas dan rujukan dalam berinteraksi dengan turath terutama dalam bidang fikah, Usul Fiqh dan Maqasid Syariah.
3. *Mu'alim fi Manhaj al-Qura'ni-* ( Prinsip dalam Metodologi al-Quran). Buku ini membicarakan metodologi untuk berinteraksi dengan al-Quran sebagai sumber ilmu dan peradaban.
4. *Nahwa Manhajiah Ma'rifah Qur'aniyah* ( Ke arah Metodologi Ilmu Pengetahuan al-Quran). Buku ini membicarakan kaedah dan

metologgi tauhid dalam memahami rahsia-rahsia al-Quran. Ia turut membicarakan makna ilmu dan membaca serta hubungannya dengan al-Quran serta keuniversalan khitab al-Quran.

5. *Mukadimah fi Islamiah Ma'rifah-* ( Pengenalan Pengislaman Ilmu) Buku ini membicarakan krisis ilmu pengetahuan dan keperluan untuk kembali kepada asas-asas Islam sama ada dari aspek tujuan, natijah dan pelaksanaan. Ia membicarakan gabungan antara dua pembacaan wahyu (*Qiratul al-Wahy*) dan pembacaan alam (*Qiratul al-Kawn*), bersumberkan al-Quran, al-Sunnah dan turath berdasarkan manhaj yang telah ditetapkan bagi mengeluarkan umat dari krisis peradaban
6. *al-Khususiah wa al-Alamiah fi Fikr al-Islami* (Keistimewaan dan keuniversalan dalam Pemikiran Islam). Buku ini membicarakan isu kepelbagai dan keuniversalan dari sudut mmanhaj ilmu dan Islam. Ia membicarakan dua aspek tersebut dan kekurangan turath fikah dari keperluan masyarakat semasa.
7. *Maqasid al-Syariah* ( Objektif Syariah). Buku ini merupakan himpunan artikel berkaitan turath fikah dalam memperjelaskan implikasi terhadap sesuatu tindakan dalam keperluan kehidupan. Ia menjelaskan keutamaan dan maqasid akidah yang utama. Ia tidak mengikut kaedah Syatibi dan pengikutnya.
8. *Islah al-Fikr al-Islami* (Memperbaiki Pemikiran Islam). Taha Jabir menyebutkan krisis yang dihadapi umat Islam kini ialah krisis pemikiran. Oleh itu, beliau mencadangkan gagasan pembinaan pemikiran yang berdasarkan al-Quran yang bertujuan agar pembaharuan pemikiran tersebut mampu menjawab persoalan semasa. Beliau juga turut menjelaskan pengislaman ilmu sebagai salah satu cara untuk mengeluarkan umat dari krisis ini.
9. *Jam'u bayn al-Qira'atayn* (Gabungan Dua Bacaan) – Buku ini membicarakan gabungan antara pembacaan al-Quran dan juga pembacaan alam. Pembacaan alam ialah dengan melihat kejadian alam dan rahsia keagungannya. Al-Quran menyatakan ia sebagai bukti keagungan Tuhan.
10. *Ibn Taimiyah wa Islamiah al-Ma'rifah* ( Ibn Taimiyah dan Pengislaman Ilmu). Buku ini membahaskan secara ringkas khazanah ilmu ibn Taimiyah dengan melihat pelbagai aspek peringkat, tujuan dan faktor yang mempengaruhi kehidupannya. Ia merupakan satu contoh pembacaan dalam memahami gerakan islah yang dilakukannya dalam konteks ilmu pengetahuan.
11. *Nahwa Bina Ulum al-Ummah al-Ijtima'iyyah wa Al-Syari'iyyah* ( Ke arah Pembinaan Ilmu Kemasyarakatan Umat dan Syariah). Buku ini menghuraikan ilmu kemasyarakatan dan kemanusiaan dan

perhubungannya dengan tujuan al-Quran iaitu tauhid, tazkiyah dan umran (pengimaranan).

12. *al-Tauhid wa tazkiyyah wa al-Umran* –Buku ini membincarkan aspek tauhid Qur’ani dan kesan dalam kepelbagaian kehidupan manusia. Ia cuba melihat ilmu Tauhid al-Quran sebagai pusat pembicaraan yang praktikal dalam pengajian tauhid. Buku ini turut membincarkan mengenai tujuan utama Islam iaitu tazkiyyah. Oleh itu, kedatangan risalah Islam adalah untuk mendidik dan membentuk manusia yang soleh.
13. *Ab’ad Gha’ibah ‘An Fikr wa Mumarasat al-Harakat al-Islamiah al-Mu’asarah* (Perkara yang hilang dalam aspek pemikiran dan pelaksanaan Gerakan Islam Kini). Buku ini merupakan kritikan kepada gerakan Islam dan gerakan politik yang telah kehilangan dalam aspek pemikiran dan aktiviti pergerakan. Salah satu kritikannya mengenai pergerakan yang hanya berfokus kepada tempatan atau kebangsaan yang sempit dan tenggelam dalam politik semata-mata.

*Adab al-Ikhtilaf fi al-Islam* ( Adab Perbezaan Pendapat dalam Islam ). Buku ini membincarkan tentang adab pebezaan pendapat. Al-Quran amat memberi perhatian mengenai kesatuan umat dan mengkritik perpecahan dan perbalahan. Oleh itu, beliau mengariskan prinsip-prinsip utama dalam perbezaan pendapat.

## 1.2 ADAB PERBEZAAN PENDAPAT DALAM ISLAM

Syariat Islam telah menggariskan prinsip-prinsip serta adab untuk bermuzakarah, berdialog dan berbincang dalam sesuatu perkara. Perbincangan tersebut berteraskan kepada akal yang sihat, pemikiran yang bernas serta berdebatan yang dilakukan dengan sebaik-baiknya. Kesemua ini bertujuan untuk mencari kebenaran, kebaikan dan manfaat manusia seluruhnya. Perbezaan pendapat manusia sama ada dalam perkara agama atau dunia merupakan merupakan lumrah hidup dan tabie manusia. Antara sebab-sebab timbulnya perbezaan pendapat ialah kefahaman terhadap sesuatu nas dan dalil yang dipegang atau perbezaan istilah bahasa. Di samping itu, berpegang kepada taklid semata-mata tanpa ada ilmu pengetahuan., kefanatikan terhadap pandangannya, hasad dengki dan mengikut hawa nafsu. Al-Quran telah menegaskan kerasulan nabi Muhammad SAW dan setengah daripada golongan musyrikin itu mengakui kebenaran Rasul. Oleh kerana perasaan fanatik, hasad dengki dan sompong menyebabkan mereka mengingkari kerasulan Muhammad SAW.

Di samping mengakui adanya perbezaan pendapat, Islam juga menggariskan panduan untuk umatnya bermuzakarah dan berdialog. Dalam tradisi keilmuan Islam, ada puluhan buah buku yang menulis mengenai perkara ini atas berbagai tajuk seperti Ilmu al-Jidal (Ilmu Berdebat), Adab al-Iktilaf (Adab Perbezaan Pendapat) dan Adab al-Hiwar (Adab Berdialog). Antara buku tersebut ialah al-Kifayah fi fann al-Jidal oleh Imam al-Haramain (m.. 478H ), al-Ma’unah fi

al-Jidal oleh Syirazi (m. 476H) dan Tarikh al-Jidal oleh Muhammad Abu Zahrah, Adab al-Iktilaf oleh Dr. Taha Jabir al-Alwani, adab al-Hiwar oleh Dr Muhammad Said Ramadan al-Buti dan Adab al-Hiwar oleh Syeikh Sayyid Muhammad al-Tantawi.

### **1.3 ADAB AL-IKHTILAF DALAM ISLAM OLEH TAHIA JABIR AL-ALWANI**

Buku ini asalnya diterbitkan dalam siri al-Ummah di Qatar dan kemudiannya di ulang cetak oleh Institut Pemikiran Islam Antarabangsa (IIIT) dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang berjudul The Ethics of Disagreement in Islam. Buku ini juga diterjemahkan dalam bahasa Melayu oleh Haji Muhammad Rivai Batubara yang diterbitkan oleh ABIM.

Taha Jabir menyatakan bahawa penyakit umat Islam kini yang paling berbahaya ialah penyakit perbezaan pendapat dalam pelbagai bidang akidah, pemikiran, wawasan, pendapat, uslub-uslub fikah dan persoalan ibadat.. Padahal hakikat yang sebenarnya adalah sebaliknya kerana al-Quran dan al-Sunnah tidak mementingkan sesuatu selepas tauhid melainkan memberi perhatian yang utama pada usaha mengukuhkan perpaduan umat dan membuang perbezaan perndapat di kalangan mereka serta mengatasi segala keadaan yang mengeruhkan kemurnian perhubungan di antara orang-orang Islam dan ukhuwwah mereka. Menurutnya, ajaran Islam tidak mencerca sesuatu dengan keras selepas syirik kepada Allah seperti cercaannya kepada persesilihan umat dan tidak mengalakkkan sesuatu perkara selepas iman kepada Allah seperti galakannya atas perpaduan umat Islam (Al-Alwani,1987:8).

#### **1.3.1 Perbezaan Istilah Ikhtilaf dan Khilaf**

Ikhtilaf bermaksud perbezaan yang berlaku pada ucapan, pendapat, kelakuan, cara dan pendirian. Sementara ilmu al-khilaf ialah ilmu yang membolehkan seseorang memelihara pendapat yang dihasilkan oleh imam dari sesuatu mazhab dan menghancurkan setiap pendapat yang berlawanan dengannya tanpa berdasarkan kepada dalil yang tertentu kerana sekiranya berdasarkan kepada dalil dan ia menggunakan dalil, nescaya ia seorang yang berijtihad (al-Alwani,1987:21). Fuqaha menggunakan dengan meletakkan pengertian khusus iaitu perbezaan pendapat di antara fuqaha atau di antara mazhab tentang hukum-hukum cabang dan bukannya perbezaan prinsip-prinsip hukum (Abdul Halim El-Muhamady,2001:21). Ikhtilaf dari segi istilah ulama fikah memberi makna perbezaan dalam pandangan, mazhab, agama dan kepercayaan yang memberi kebahagiaan atau kesengsraan kepada manusia di dunia dan akhirat (Zaidan, 2003:9).

Sementara Jidal (perdebatan) apabila semakin agresif salah seorang atau kedua-dua yang berselisih dalam ucapan, pendapat atau pendirian dan semakin berusaha mempertahankan pandangan untuk menewaskan orang lain supaya menerima. Ilmu Jidal pula ialah ilmu yang mematahkan dalil-dalil yang bertentangan bagi menzahirkan pendapat-pendapat fikah yang lebih kuat. Ada

yang mentakrifkan ia sebagai ilmu yang digunakan untuk memelihara sesuatu persoalan yang dikehendaki walaupun batil dan mematahkan sesuatu persoalan yang dihendaki walaupun ia benar. Al-Shihaq (perbalahan) ialah apabila permusuhan di antara orang yang berdebat bertambah sengit di mana masing-masing lebih mementingkan kemenangan daripada mencari kemenangan sehingga persefahaman dan persetujuan di antara kedua-dua tidak mungkin dicapai (al-Alwani, 1987:22). Taha Jabir telah menjelaskan istilah al-khilaf (perbezaan), al-jidal (perdebatan) dan al-Shihaq (Perbalahan) dan tahapnya dalam perbezaan pendapat agar pembaca memahami kategori tersebut secara tepat(al-Alwani, 1987).

Perkataan khilaf dan ikhtilaf adalah sama dari segi penggunaannya di sisi ahli fikah, tetapi Imam al-Syatibi dalam kitabnya al-Muwafaqat membezakan antara kedua-duanya. Khilaf di sisinya ialah sesuatu yang lahir daripada hawa nafsu yang menyesatkan, bukan kerana mencari apa yang dikehendaki oleh Allah berpandukan kepada dalil-dalil syarak. Oleh itu, ia tidak boleh dipegang kerana ia berpunca dari hawa nafsu. Manakala ikhtilaf pula ialah pendapat yang lahir daripada para mujtahid dalam masalah –masalah ijtihadi yang tidak terdapat nas-nas yang jelas mengenainya. Namun Abdul Karim Zaidan menyebutkan perbezaan antara khilaf dan ikhtilaf sepertimana yang disebut oleh Imam al-Syatibi hanyalah semata-mata istilah daripadanya dan tidak ada dalil sebagai sandaran. Malah para ahli fikah menggunakan lafaz khilaf dan ikhtilaf dengan makna yang sama (Zaidan,2003:10).

### **1.3.2 Perbezaan yang diterima dan ditolak**

Seterusnya, Taha Jabir menjelaskan perbezaan yang diterima dan perbezaan yang ditolak. Perbezaan merupakan sesuatu yang tabi'i kerana manusia diciptakan dengan pelbagai ciri yang berbeza dari segi bahasa, warna kulit, bangsa dan pemikiran. Perbezaan seperti ini akan melahirkan beberapa perkara yang positif sekiranya dipelihara batas-batas dan adabnya. Di antaranya ialah:

- I. Ia memberi peluang untuk mengenal pasti segala kemungkinan untuk mengetahui dalil ke atasnya mengikut kaedah-kaedah pendalilan.
- II. Ia merupakan latihan berfikir dan pertukaran pendapat serta membuka pelbagai lapangan pemikiran bagi mencapai kepada kepelbagaian andaian yang mungkin dicapai oleh pemikiran yang berbeza-beza.
- III. Terdapat pelbagai metode penyelesaian dalam menghadapi setiap persoalan sesuai dengan keadaan dan suasana yang dihadapi supaya selari dengan kemudahan agama Islam (al-Alwani, 1987:25)

Seterusnya beliau menjelaskan pembahagian perbezaan kepada tiga kategori;

- i. Perbezaan pendapat yang didorong oleh hawa nafsu. Perbezaan ini lahir dari sifat keinginan untuk mencapai kepentingan diri. Pengaruh hawa nafsu dalam sesuatu pemikiran mungkin dalam aspek seperti berikut: (a) aspek luaran apabila ia bertentangan dengan wahyu yang nyata dari al-Quran dan al-sunnah. Orang yang beriman tidak akan terlibat dalam percaturan fikrah yang bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah.(b) aspek dalaman iaitu dengan meneliti sumber fikrah dan keadaan yang menjadi sebab terbina fikrah tersebut.
- ii. Perbezaan pendapat yang berpunca dari kebenaran. Perselihan pendapat disebabkan yang lahir dari sumber kebenaran ilmu, kehendak akal dan desakan iman.
- iii. Perbezaan pendapat yang terumbang ambing di antara pujian dan celaan. Perbezaan jenis ini tidak berpihak sepenuhnya kepada salah satu di antara keduanya. Perkara ini berlaku berlaku dalam perkara-perkara furu' yang hukumnya berada di antara beberapa kemungkinan di mana sesetengahnya lebih kuat daripada yang lain disebabkan faktor-faktor yang menguatkannya (al-Alwani, 1987:29).

Perbezaan ini terbahagi kepada tiga jenis:

- i. Perbezaan dan pelakunya dicela seperti perbezaan yang membawa kepada kekufur'an, perbezaan mengikut hawa nafsu dan bidaah, perbezaan di antara orang yang bertaklid dengan mereka yang menolak taklid dan perbezaan di antara ahli fikah dan ahli tasawuf
- ii. Perbezaan yang dipuji ialah perbezaan orang-orang Islam dengan orang kafir dari segi kepercayaan dan pegangan agama, perbezaan seorang muslim menyanggah perayaan-perayaan, ibadat, tradisi dan adat-adat jahiliah

Perbezaan yang diizinkan dan diterima ialah perbezaan para mujtahid dari kalangan ahli fikah, mufti dan hakim dalam masalah-masalah ijtihadi yang diizinkan berijtihad dan berbeza pendapat. Disyaratkan perbezaan tersebut tidak membawa kepada perpecahan, putus hubungan dan perselihan hati. Mujtahid yang mengeluarkan ijtihadnya, tetap akan mendapat pahala walaupun salah dan tidak berdosa (Zaidan,2003:24).

### **1.3.3 Sejarah Perkembangan Perbezaan Pendapat di Zaman Rasulullah dan Sahabat.**

Kemudian Taha Jabir menjelaskan sejarah perkembangan perbezaan pendapat pada zaman Rasulullah SAW dan sahabat. Pada zaman Rasulullah SAW tidak timbul *iktilaf* dan perbezaan pendapat mengikut pengertian yang telah disebutkan di atas. Hal ini Rasulullah SAW menjadi tempat rujukan jika berlaku

permasalahan di kalangan para sahabat. Bagi para sahabat yang menghadapi persoalan tetapi tidak dapat merujuk kepada Rasulullah SAW disebabkan mereka tinggal jauh dari Madinah, mereka akan berijtihad dan hasil ijtihad mereka ini yang menimbulkan perbezaan pendapat. Dalam hal seperti ini, apabila mereka kembali ke Madinah dan bertemu dengan Rasulullah SAW, mereka akan menanyakan kembali persoalan tersebut atau ijtihad mereka tersebut. Dalam hubungan ini, Rasulullah SAW akan mengambil sikap sama ada menerima dan memperakuinya sehingga menjadi sebahagian daripada al-sunnah atau Rasulullah SAW menerangkan jawapan yang sebenar dan tepat sehingga mereka merasa puas hati dan menerima ketetapan Rasulullah SAW. Salah satu contohnya, riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim bahawa nabi SAW telah bersabda di dalam peperangan al-Ahzab : "Jangan solat Asar seorang pun melainkan di Bani Quraizah".

Taha Jabir menyimpulkan panduan adab perbezaan pendapat pada masa Nabi SAW sebagai berikut:

- i. Para sahabat r.a berusaha untuk tidak berselisih pendapat semampu mungkin. Oleh itu, mereka menghindarkan diri dan memperbanyak soalan dan perincian. Malahan mereka menyelesaikan sebarang peristiwa yang berlaku dibawah bimbingan petunjuk Rasulullah. Perkara ini menyebabkan tidak timbul persoalan besar yang perlu diperdebatkan.
- ii. Apabila perbezaan pendapat berlaku, meskipun usaha untuk menghindarinya dijalankan, mereka akan segera merujuk perkara perbezaan kepada al-Quran .dan al-Sunnah .Dengan itu, lenyaplah segala perbezaan.
- iii. Sikap mereka yang segera tundukk dan komited terhadap hukum Allah dan Rasulullah SAW dengan penerimaan sepenuhnya dan penyerahan yang setulusnya.Rasulullah
- iv. Tindakan koreksi dan pembetulan yang dilakukan SAW terhadap mereka yang berselisih pendapat dalam perkara yang yang dapat ditakwilkan, di mana masing-masing mempunyai perasaan bahawa pendapat saudaranya boleh jadi benar seperti anggapannya terhadap pendapatnya sendiri. Perasaan ini menyebakan mereka sentiasa menghormati pendirian masing-masing dan menghindari fanatik terhadap sesuatu pendapat.
- v. Sentiasa beriltizam dengan sifat ketakwaan dan menjauhi hawa nafsu dengan menjadikan kebenaran sebagai satu-satunya sebagai tujuan mereka berselisih pendapat
- vi. Sentiasa beriltizam dengan adab Islam dan memilih kata-kata yang baik dan menghindari kata-kata yang tajam di antara mereka yang berselisih.

vii. Menghindari perbicaraan yang berjela-jela dengan sentiasa berusaha agar dapat menepati pokok persoalan yang dibincangkan (al-Alwani, 1987:48).

Di antara peristiwa perbezaan pendapat yang berlaku pada zaman sahabat seperti berikut:

- i. Perbezaan pendapat mereka mengenai wafatnya Nabi Saw. Saidina Umar berkeras menyatakan menyatakan baginda belum wafat dan menganggap berita sensasi itu berniat jahat.
- ii. Perbezaan pendapat dalam menentukan tempat pengebumian pusara Rasulullah SAW. Akhirnya, Abu Bakar menetapkan agar nabi dikebumikan di tempat ia diwafatkan.
- iii. Perbezaan para sahabat dalam mengantikan khalifat Rasulullah SAW terutama antaraa golongan Muhajirin dan Ansar. Akhirnya, mereka bersetuju melantik Abu Bakar menjadi khalifah.
- iv. Perbezaan pendapat dalam memerangi orang yang enggan membayar zakat (al-Alwani, 1987:50-60)

Antara adab perbezaan pendapat pada zaman Khulafa al-Rasyidin seperti berikut:

- i. Mereka berusaha menghindari perbezaan pendapat, walaupun ada ruang untuk itu, namun mereka berusaha seboleh-boleh untuk meninggalkannya.
- ii. Sekiranya ada sebab-sebab yang membolehkan perbezaan pendapat dalam memahami nas atau lafaz yang mereka fahami, mereka segera menyahut kebenaran dan mengakui kesalahan tanpa ada perasaan rendah diri.
- iii. Bagi mereka, Ukhuwwah Islamiah adalah pokok utama dari asas-asas ajaran Islam. Ia penting dan tidak akan berdiri Islam tanpanya, yang mengatasi segala perbezaan pendapat.
- iv. Perbezaan pendapat hanya berlaku dalam masalah *furu'* (cabangan) dan sama sekali tidak berlaku dalam masalah iktikad.
- v. Sebelum masa pemerintahan khalifah Uthman, kesepakatan mudah tercapai disebabkan mereka tinggal di Madinah dan sebahagian kecil di Mekkah. Apabila timbul sesuatu masalah, mereka berhimpun untuk mencapai kesepakatan.
- vi. Para Qurra dan fuqaha mempunyai kedudukan dan menonjol dalam kepimpinan politik dan masing-masing mempunyai metode yang jelas dalam mengeluarkan hukum dan fatwa.

Pandangan mereka terhadap pendapat seseorang yang lain adalah untuk membantu saudaranya, bukan untuk mengaibkan atau kritikan (al-Alwani, 1987: 70).

### 1.3.4 Istilah Takwil Menurut Taha Jabir

Taha Jabir turut menerangkan takwil dan jenisnya. Takwil ialah makna-makna yang ada di sebalik lafaz dan lahirlah takwil dalam bentuk-bentuk berikut:

i. Takwil yang hampir: Maksudnya ialah mengetahui sesuatu perkara dengan berfikir secara mudah akan kemungkinan maknanya dalam lafaz tersebut. Misalnya dengan menyatakan bahawa menderma harta anak yatim kepada orang lain atau membinasakannya adalah sama dengan memakan atau lebih berat haramnya seperti yang dapat difahami daripada ayat firman Allah SWT :

إِنَّ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ أَمْوَالَ الْيَتَامَىٰ ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُونَ فِي بُطُونِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيرًا

Maksudnya: Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak-anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu hanyalah menelan api ke dalam perut mereka (al-Nisa' :10)

ii.Takwil yang jauh : Ia Bermaksud memikirkan secara mendalam tentang sesuatu perkara untuk mengetahui akan kemungkinan makna yang terkandung di sebalik lafaz itu. Contohnya Ibn Abbas mengatakan sekurang-kurang hamil itu enam bulan berdasarkan firman Allah SWT :

وَحَمَلْتُهُ وَفَصَلَهُ تَلْثُونَ شَهْرًا

Maksudnya : sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan. (al-Ahqaf:15)

dan firman Allah SWT:

وَالْوَلُدُتُ يُرْضِعَنَ أُولَدُهُنَ حَوَلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّ الْرَّضَاعَةُ

Maksudnya: Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap Iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu (al-Baqarah: 233)

Ternyata bahawa cara mengambil kesimpulan ini, walaupun nampaknya senang, tetapi tidak mungkin dicapai oleh orang yang tidak cekap berfikir dan tajam pandangannya. Ia memerlukan kita merenung dan berfikir secara mendalam yang tidak mudah bagi orang biasa.

iii. Takwil yang dianggap jauh.

Ia bermaksud ialah perkara-perkara yang tidak mungkin dikandung oleh lafaz itu dan tidak ada pada orang yang mentakwil itu di dalam takwilnya satu jenis dari jenis-jenis dilalah( pengertian lafaz kepada makna). Hal ini seperti penafsiran sesetengah terhadap firman Allah :

وَعَلِمْتُ وَبِالنَّجْمِ هُمْ يَهْدُونَ

Maksudnya: *Dan (ia mengadakan) tanda-tanda panduan jalan, dan dengan bintang-bintang (pada waktu malam) mereka dapat mengetahui arah yang hendak dituju.* (al-Nahl :16)

Dengan mentakwilkan kalimah (*al-Najm*) dalam ayat ini adalah Rasulullah SAW dan ('alamat) adalah para imam.(al-Alwani, 1987:38)

Para ulama telah meletakkan beberapa syarat bagi takwil dan tafsir ini, di antaranya :

- i. Bahawa takwil itu tidak menghilangkan makna yang difahamkan daripada lafaz mengikut kaedah bahasa dan kebiasaan orang Arab menggunakan kata-kata itu dalam percakapan mereka.
- ii. Bahawa takwil itu tidak bertentangan dengan nas al-Quran
- iii. Bahawa takwil itu tidak menyalahi kaedah syarak yang telah disepakati di antara ulama dan para imam.
- iv. Bahawa wajib memelihara tujuan nas itu diaturkan dari sebab-sebab turun dan wurudnya (Al-Alwani, 1987:42).

Sementara takwil yang batil dan ditolak seperti berikut:

- i. Takwil dan tafsir yang lahir dari orang yang tidak mempunyai kelayakan mentakwil disebabkan tidak mempunyai persediaan ilmu yang cukup dalam bahasa dan nahu serta segala syarat diperlukan untuk mentakwil.
- ii. Takwil perkara-perkara mutasyabihat tanpa sandaran yang betul.
- iii. Takwil –takwil yang dilakukan oleh aliran-aliran yang menyeleweng dan bertentangan dengan zahir al-Quran dan al-Sunnah atau perkara yang telah disepakati oleh umat Islam.
- iv. Takwil yang mengatakan ia pasti dari syarak tanpa ada dalilnya.
- v. Takwil yang berdasarkan hawa nafsu seperti takwil golongan Batiniah dan yang seumpamanya (al-Alwani,1987:43).

### 1.3.5 Perbezaan Pendapat Dalam Mazhab

Setelah zaman sahabat dan pembesar tabi'in lahirnya mazhab-mazhab yang dibangsakan kepada ahl al-sunnah. Aliran mazhab tersebut mempunyai ciri dan metode tersendiri dalam mengeluarkan hukum. Imam Malik, Syafie dan Imam Ahmad dianggap sebagai fuqaha hadith dan athar kerana mereka yang menerima

fikah daripada ahli Madinah dan pendukung ilmunya. Sementara Imam Abu Hanifah adalah pewaris ahl al-Ra'yy dan memimpin aliran tersebut pada zamannya. Lapangan fikah merupakan daerah yang paling banyak perbezaan pendapat. Perbezaan pendapat itu dibenarkan tetapi dengan memenuhi dua syarat:

a. Bahawa masing-masing yang berbeza pendapat mempunyai dalil yang sah dijadikan hujah. Apabila tidak ada dailil yang sah untuk dijadikan hujah, maka dengan sendirinya ia gugur.

b. Bahawa pegangan dengan pendapat mazhab yang bertentangan itu tidak membawa kepada perkara batil. Apabila berlaku yang demikian, dengan sendirinya ia adalah batal dan tidak dibenarkan sama sekali (al-Alwani, 1987:104).

Sebab-Sebab perbezaan pendapat dalam lapangan fikah dapat diringkaskan seperti berikut:

1. Sebab yang telah berpunca dari bahasa. Hal ini disebabkan ada pada perkataan lafaz musytarak iaitu lafaz yang mengandungi banyak makna dan beragam. Contohnya lafaz al-'Ain boleh digunakan untuk erti mata, anak dara, emas asli, mata-mata dan pelbagai makna yang lain. Di sinilah terjadinya perbezaan pendapat di kalangan mujtahidin sama ada yang dimaksudkan dengannya salah satu dari makna itu atau keseluruhannya. Demikian juga perintah dan larangan yang digunakan dalam bentuk berita dan penafian. Semuanya itu membawa kesan kepada perbezaan pendapat, pada metode dan cara mengeluarkan hukum dari nas. Kadang-kadang pendapat ulama berbeza dalam memahami nas kerana perbezaan keadaan kalimat yang ada padanya. walaupun tidak berbeza maknanya.

2. Sebab-sebab yang berpunca daripada riwayat sunnah. Sebab-sebab ini mempunyai banyak persoalan dan kesan di mana kebanyakan perbezaan pendapat fikah yang terjadi di kalangan ulama salaf adalah berpunca daripadanya. Kadang-kadang hadith tidak sampai kepada seseorang mujtahid, lalu ia berfatwa mengikut kehendak zahir ayat atau hadith yang lain atau menqiyaskan kepada persoalan yang ada ketetapan Rasulullah SAW padanya atau mengikut cara-cara yang telah diperakui daripada cara-cara ijтиhad. Kadang-kadang sampai hadith kepada seseorang mujtahid, namun ia berpendapat ada sebab yang menghalangnya untuk beramal dengan kehendak hadith itu seperti ia mempercayai tiada sahih isnadnya kepada Rasulullah disebabkan ada rawinya yang tidak diketahui atau masih dipersoalkan atau lemah hafalannya atau terputus sanadnya. Keadaan ini menyebabkan terjadi perbezaan pendapat. Kadang-kadang sampai hadith kepada salah seorang mujtahid lengkap bersama-sama dengan sebab-sebab timbulnya hadith itu tetapi sampainya kepada mujtahid yang lain tanpa disertai oleh sebab-sebab timbulnya hadith itu, maka berbezalah kefahaman. Kadang-kadang seorang mujtahid menemui sesuatu yang

menasakhkan hadith atau yang mengkhususkan yang umum manakala mujtahid yang lain tidak berhasil menemui perkara-perkara itu semuanya, lalu berbezalah mazhab keduanya (al-Alwani, 1987:112)

3. Sebab-sebab yang berpunca daripada kaedah Usul dan panduan Istinbat (mengeluarkan hukum). Ilmu Usul Fiqh ialah mengetahui dalil-dalil fikah secara global dan cara-cara mempergunakan serta mengetahui keadaan si mujtahid. Ilmu ini adalah merupakan sejumlah kaedah dan panduan yang dicipta oleh mujtahid sebagai panduan cara kerja ijihad dan intinbat hukum-hukum syarak yang bersifat furu' (cabang) daripada dalil-dalil yang terperinci. Para mujtahid menetapkan dalam manhaj usul yang mereka pergunakan dalil-dalil yang menjadi sumber hukum itu, yang merekajadikan sebagai hujah dan mereka menerangkan semua perkara yang menjadi cabaran kepada dalil-dalil itu supaya nyata cara-cara menghasilkan hukum syarak daripada setiap dalil dan langkah-langkah yang mereka tempuh semenjak permulaan hingga sampai kepada hukum syarak itu. Berhubung dengan kaedah-kaedah dan garis panduan ini, misalnya dalam fatwa sahabat dijadikan hujah dan ada sebahagian mazhab yang tidak menjadikannya sebagai hujah. Mereka berpendapat yang menjadi hujah ialah apa yang diriwayatkan oleh sahabat daripada Rasulullah SAW bukan pendapat sahabat. Dengan ini berbezalah mazhab fuqaha. Sesetengah para mujtahid mengambil al-Masalih al-Mursalah sebagai hujah, namun ada yang tidak mengambilnya dan tidak menganggap satu perkara yang dapat menghasilkan hukum. Maka berdasarkan demikian, berbezalah pendapat mereka di dalam sesuatu persoalan (al-Alwani, 1987:113).

Seterusnya Taha Jabir menjelaskan adab perbezaan pendapat di kalangan imam mazhab. Menurutnya, perbezaan pendapat telah berlaku di dalam pelbagai perkara yang berkenaan persoalan-persoalan ijthadiyyah. Sepertimana berlaku perbezaan pendapat di kalangan sahabat dan tabi'in sebelumnya. Mereka sentiasa berada di dalam sinaran petunjuk Allah selagi perbezaan pendapat itu tidak berpunca dari hawa nafsu. Seorang mujtahid memberikan sedaya usaha untuk mencari kebenaran dan keredhaan Allah SWT. Oleh itu, para ahli ilmu dalam setiap masa menerima fatwa para mufti dalam masalah-masalah ijihad selagi mereka mempunyai kelayakan. Mereka membentarkan mufti yang tepat ijihadnya dan memohon ampun bagi mufti yang tersalah pendapatnya dengan meletakkan prasangka baik terhadap semuanya. Kesemua perkara ini tidak menghalang mereka mengikut sesetengah yang lain untuk menjadi makmun seperti solat menjadi makmun kepada mazhab Maliki yang berpendapat tidak wajib membaca bismillah (ketika membaca al-fatihah).

Imam Abu Yusuf menjadi makmun kepada khalifah Harun al-Rasyid yang baru sahaja berbekam walaupun Abu Yusuf berpendapat bahawa berbekam membantalkan wuduk tetapi beliau tidak mengulangi solatnya. Imam Syafie pernah solat subuh berhampiran kuburan Imam Abu Hanifah r.a. Beliau (imam Syafie) tidak membaca qunut padahal beliau berpendapat bahawa qunut itu

sunat muakkad. Begitu juga Imam Malik yang menolak permintaan Khalifah al-Mansur agar menjadi kitabnya al-Muwatta' satu-satunya rujukan bagi menyelaras semua pendapat yang berbagai-bagai walaupun dipersetujui oleh semua mereka ulama madinah yang sezaman dengannya (al-Alwani, 1987:115-116).

Mustafa al-Khin telah menulis buku berjudul Athar al-Ikhtilaf fi al-Qawa'id al-Usuliyyah fi Ikhtilaf al-fuqaha' (Kesan Perbezaan kaedah-kaedah usul dalam perbezaan pandangan para Fuqaha). Dalam buku ini, penulis telah menerangkan mengenai perbezaan yang baik dalam hukum cabangan tetapi bersepakat dalam perkara asas dan perbezaan yang tercela yang berasaskan kepada hawa nafsu dan takwil yang menyeleweng. Beliau menjelaskan dan membuktikan manhaj para ulamak terdahulu dalam mengeluarkan hukum adalah berteraskan kepada kaedah yang benar dan jauh daripada hawa nafsu dan takwil yang menyeleweng(Mustafa al-Khin, 1994)

### 1.3. 6 Kesan Perbezaan di kalangan Mazhab

Perbezaan di kalangan mazhab ini telah melahirkan satu ilmu yang dikenali sebagai fiqh al-Muqaran. Fiqh al-Muqaran ialah keputusan pendapat mazhab fikah dalam sesuatu masalah dengan mengenal pasti tempat perbezaan yang disertai dengan dalil yang berteraskan kepada kaedah dan manhaj Usuli. Ia menerangkan tempat perbezaan dan membincangkan setiap dalil serta membuat tarjih kepada dalil yang lebih kuat dan diterima dari segi kaedah dan manhaj (al-Syali, 2009:23)

Menurut Taha Jabir situasi perbezaan pendapat ini telah berubah selepas kurun keempat. Beliau mengambil komentar Imam al-Ghazali (m.505) yang mana sebahagian yang penuntut ilmu dan memberi fatwa untuk mendapatkan habuan keduniaan berupa pangkat dan mendekati pemerintah. Timbulnya golongan yang tidak berkelayakan untuk membicarakan ilmu agama dan ilmu kalam dengan membuka pintu polemik dan perdebatan yang sengit di mana lahirkan sikap fanatik dan permusuhan yang dahsyat yang membawa kepada pertumpahan darah dan kehancuran negara (al-Alwani,1987:137). Taha Jabir membuat beberapa kesimpulan daripada komentar keadaan zaman al-Ghazali ini iaitu:

i. Penyakit yang sebenarnya menimpa umat Islam selepas pemerintahan khulafa al-Rasyidin ialah pemisahan yang tragis antara kepimpinan fikrah dan kuasa politik. Praktis dan amalan politik yang tidak Islamik kerana para politikus jahil terhadap siasah syari'iyyah sementara di hadapan kita hanya ada fikah yang bersifat teori dan tidak berpijak kepada realiti yang dihadapi manusia.

ii. Keadaan status fikah juga berubah dari alat untuk melindungi manusia dan segala persoalan dengan peraturan syariat kepada alat untuk menghalalkan segala kejadian yang berlaku walau apapun kejadiannya. Keadaan

ini menyebabkan kehidupan perundangan Islam bagi kaum muslimin dalam keadaan yang tidak tentu arah. Sesetengah orang yang bertanggungjawab terhadap fatwa mengeluarkan fatwa yang tidak berdasarkan kepada dalil dan tidak menyakini kebenaran fatwanya dengan andaian untuk meringankan manusia (al-Alwani, 1987:141)

Mereka yang bertanggungjawab untuk memelihara kehormatan agama menganggap enteng terhadap kesuciannya dan memandang mudah terhadap hukum-hukumnya, sehingga bertindak di luar batas dengan alasan untuk melapangkan manusia. Demikianlah perilaku sesetengah mufti yang tidak memelihara kehormatan dirinya dengan mengeluarkan fatwa yang selari dengan kemahuan hawa nafsu dan kehendak penguasa.

### **1.3.6 Penyelesaian Menurut Taha Jabir al-Alwani : satu Perbincangan**

Dalam keadaan umat Islam menghadapi keruntuhannya faktor-faktor kekuatannya iaitu akidah rapuh, iman goyah, keyakinan lemah, akhlak rosak, istiqamah tidak ada, fikiran beku, ijtihad layu, fikah lenyap, bidaah berleluasa dan kesedaran hilang sementara musuh menguasai kita. Namun di celah-celah situasi ini, Taha Jabir optimis dengan kebangkitan Islam yang akan membawa sinar baru dan dakwah Islam.

Walaupun begitu cabaran di tengah-tengah arus kebangkitan Islam yang amat berbahaya ialah perbezaan pendapat yang menghabiskan banyak tenaga yang sepatutnya digunakan untuk menghadapi cabaran-cabaran yang berat yang datang daripada pihak musuh. Terdapat perbezaan sengit antara salafiah dan tradisional, antara golongan bermazhab dan tidak bermazhab dengan terjadi tuduh –menuduh dengan perkataan yang tidak sepatutnya. Amat menyediakan sesetengah orang Islam mematahkan tunas kebangkitan ini dengan perbuatan mereka menyemarakkan perbezaan pendapat yang tidak jelas dalam beberapa perkara yang menghabiskan banyak masa dan tenaga, di mana mereka tidak dapat membezakan di antara perkara-perkara yang penting dengan perkara-perkara remeh-temeh. Sesungguhnya menyemarakkan perbezaan pendapat di kalangan umat Islam atau memperbesarkan sebab-sebab merupakan khianat yang paling besar kepada tujuan Islam di samping menghancurkan kebangkitan baru yang menjadi harapan ini (al-Alwani, 1987:147).

Taha Jabir memberi beberapa panduan dalam mengatasi penyakit yang melanda umat Islam kini iaitu:

- i. Umat Islam perlu memilih sebahagian dari putera-puera dan belia-belia yang paling cergas untuk mempersiapkan mempelajari ilmu-ilmu syariat dengan cara yang paling baik dari tangan golongan ulama yang dalam diri mereka terhimpun antara keilmuan dan kewpimpinan yang baik, antara takwa dan pemikiran yang sihat yang mampu mengetahui dengan tepat tujuan-tujuan Islam dengan pendekatan dan manhaj pendidikan nabawiyah. Mereka ini dosokong oleh kelompok lain yang menguasai ilmu-ilmu semasa dan moden yang

memiliki keikhlasan dan ketakwaan yang tinggi. Mereka inilah yang diharapkan untuk membimbing kebangkitan, menentukan arah perjalanan sekaligus mengembalikan kekuatan umat ini.

ii. Membetulkan jalan pemikiran kaum muslimin iaitu dengan mengubati krisis pemikiran yang sedang dihadapi oleh kaum muslimin hari ini. Krisis ini menonjol apabila setelah hancurnya organisasi-organisasi umat dan rendahnya kesedaran pendidikan umat, renggangnya perhubungan di antara umat dan penyelewengan kebanyakannya pemimpinnya. Institusi-institusi pendidikan yang ada gagal melahirkan manusia muslim yang sempurna kerana universiti-universiti yang didirikan mengikut acuan Barat di negara-negara Islam dengan tidak melihat peranannya untuk mempersiapkan sarjana Muslim yang menguasai segala cabang ilmu-ilmu agar dapat menguatkan usaha ke arah mengislamkan segala pengetahuan dan ilmu.

iii. Umat sangat berhajat kepada pemikiran Islam yang sihat yang berdiri atas kefahaman roh Islam, tujuan dan kaedah-kaedah utamanya yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-sunnah di samping keperluan untuk mempelajari cara-cara yang ditempuh oleh salaf al-Soleh dalam berinteraksi dengan sumber-sumber ini agar kita dapat mengambil persepsi dan alternative Islam terhadap apa yang dihadapi oleh umat Islam dalam bentuk yang menyakinkan (al-Alwani,1987:152)

Menurut al-Qaradawi, aktivis gerakan Islam perlu menjadi pemaaf dan saling memperkuuhkan ikatan persaudaraan. Adalah penting mereka memahami fiqh al-ikhtilaf, antaranya ialah :

- i. Menganggap perbezaan dalam perkara cabangan fiqah sebagai rahmat dan kelapangan bagi umat ini serta kekayaan dalam proses pengambilan hukum.
- ii. Sentiasa mengikuti manhaj wasatiyyah dan menjauhi sifat fanatik dalam agama
- iii. Memandang kemungkinan adanya kebenaran dalam pendapat yang berbeza
- iv. Memandang bahawa orang yang berijtihad pasti akan mendapat pahala walaupun salah dan dimaafkan.
- v. Bersikap objektif terhadap pendapat yang berbeza dan mengemukakan pendapat yang lebih baik serta bersikap adil.
- vi. Bekerjasama dalam hal-hal yang disepakati.
- vii. Bertoleransi dalam perkara yang diperselisihkan

Oleh itu, mereka perlu mempunyai kriteria akhlak seperti :

- i. Ikhlas dan menjauhi dari mengikut hawa nafsu
- ii. Tidak fanatik terhadap seseorang atau mazhab tertentu

- iii. Sentiasa berprasangka baik
- iv. Meninggalkan segala bentuk tuduhan kepada orang lain
- v. Berdialog dan berdebat dengan baik (al-Qaradawi, 1992)

Menurut al-Qaradawi, perpaduan merupakan tuntutan yang paling penting terutama di kalangan para ulama, juru dakwah dan pemimpin mereka. Penyakit yang paling berbahaya ialah perbezaan antara para ulama dalam masalah hukum yang dijadikan sebagai landasan dan ukuran penilaian terhadap seseorang sama ada yang menimbulkan kecintaan mahupun permusuhan. Perkara ini bertentangan dengan tradisi keilmuan dalam Islam. Menurutnya, sikap keras dan saling mengingkari antara umat Islam dan antara ulama dalam masalah cabang-cabang hukum yang dijadikan ukuran kecintaan dan kebencian adalah ditolak dalam syariat Islam. Menurut al-Qaradawi lagi, sunnah tidak mempunyai satu aliran sahaja, seringkali didapati beberapa perspektif dalam sunnah itu. Dengan demikian, barangsiapa yang mengikuti salah satu daripada perspektif tersebut dan meninggalkan yang lain, tidak boleh dianggap dia melakukan bid'ah atau fasiq, sesat atau kafir. Ini merupakan kesepakatan para ulama dan para imam yang muktabar. Seorang muslim dituntut untuk menjaga keharmonian, ukhuwah sesama manusia. Turut digariskan bahawa ukuran kita terhadap seseorang adalah keimanan dan ketakwaannya kepada Allah (al-Qaradawi, 2002:333).

Antara adab-adab dialog dan bermuzakarah yang digariskan oleh syariat Islam ialah :

- a. Dialog dan muzakarah itu mestilah berprinsipkan kebenaran, jauh dari pembohongan dan waham.
- b. Dialog dan muzakarah itu hendaklah berpegang kepada tajuk yang dibincangkan iaitu tidak keluar dari tema yang mereka perselisihkan.
- c. Dialog dan muzakarah itu hendaklah mengemukakan hujah-hujah yang jelas dan benar sehingga mereka tidak mampu berhujah lagi. Setelah terbukti kebenaran mereka hendaklah kembali kepada ajaran yang sebenar.
- d. Ahli-ahli dialog dan muzakarah tersebut mestilah bersifat merendah diri dan menjauhkan diri dari sifat sompong serta banga diri. Lihatlah kisah nabi Sulaiman bersama-sama burung Hud-Hud. Walaupun nabi Sulaiman memiliki kerajaan yang besar namun ia menerima hujah burung itu dengan rendah diri dan bercakap secara hikmah dan lembut. (al-Naml 20-44)
- e. Ahli dialog dan muzakarah itu hendaklah memberi peluang kepada orang lain memberi pendapat atau hujah sama ada dari pihaknya atau pihak pembangkang. Ia tidak boleh memotong percakapan orang lain atau menyakitinya. Ini terbukti melalui dialog Allah

dengan Iblis yang tidak mahu sujud kepada nabi Adam. Allah memberi seluas-luasnya peluang kepada Iblis untuk berhujah dan Iblis menyatakan ia lebih mulia dari Adam kerana Adam dijadikan dari tanah sedangkan dirinya dijadikan dari api. Setelah Allah menjatuhkan hukuman dengan mengeluarkan Iblis dari Syurga, ia masih lagi mengutarakan hujah-hujah sehingga akhirnya ia bersumpah untuk menyesatkan seluruh manusia kecuali orang yang ikhlas beribadat kepada Allah. Akhirnya Allah menyebutkan bahawa Iblis akan dinantikan di akhirat kelak untuk menerima balasan. (al-Baqarah 34, al-Hijr 30-42, al-Isra' 61-65, al-Araf 16-17) Di sini Allah memberi peluang kepadanya untuk mengatakan isi hatinya dan keinginan hawa nafsu untuk menyesatkan manusia.

- f. Ahli-ahli dialog dan muzakarah mestilah menghormati pandangan orang lain yang bercakap baik ketika memberi hujah-hujah yang bernas walaupun berbeza dengan pandangannya. Ini terbukti melalui peristiwa muzakarah Abu Bakar dengan Umar bin Khattab mengenai pengumpulan al-Quran selepas perang Yamamah. Abu Bakar pada mulanya enggan menerima tetapi apabila berlaku dialog dan muzakarah dengan Umar, maka Abu Bakar mengakui kebenaran Umar dalam mengumpul dan menulis al-Quran.
- g. Ahli-ahli dialog dan muzakarah tidak boleh menghukum secara umum dan hendaklah sentiasa berhati-hati dalam kata-kata. Di samping itu, hendaklah meneliti sesuatu masalah dengan penelitian yang rapi. Tidak menggunakan sesuatu istilah atau lafaz kecuali pada tempat yang betul. Ia perlu berdasarkan maklumat yang tepat dan bukan berdasarkan berita angin.
- h. Islam juga menyuruh umatnya supaya berdialog dan bermuzakarah dengan orang bukan Islam dengan sebaik-baiknya

## KESIMPULAN

Dalam konteks sekarang adab perbezaan pendapat dan bermuzakarah perlu difahami oleh setiap individu masyarakat kerana perkara ini sentiasa dihadapi oleh kita dalam setiap masa dan tempat. Sementara itu, dialog peradaban dan agama amat penting dalam memastikan tamadun yang dibina itu benar-benar mantap. Oleh demikian, adab-adab yang telah digariskan oleh syariat Islam sewajibnya dipatuhi supaya ia menghasilkan natijah yang terbaik dalam setiap perbincangan dan dialog. Perbezaan pendapat ini terbahagi kepada dua satu perbezaan yang dibenarkan dan satu yang tercela. Beliau telah menyoroti adab perbezaan pendapat pada zaman nabi, zaman para sahabat dan imam mazhab sehingga zaman kini. Perbezaan pendapat dalam bidang cabangan fikah adalah perkara tabi'i disebabkan faktor bahasa, sebab periwayatan hadis dan kaedah usul. Perbezaan dalam perkara cabangan fikah sebagai rahmat dan kelapangan bagi umat ini serta kekayaan dalam proses pengambilan hukum. Beliau turut

menggariskan jalan penyelesaian umat Islam dalam menghadapi krisis kehilangan adab ini dengan melatih para belia dengan ilmu syariat dan moden, mengukuhkan institusi pendidikan yang berteraskan pengislaman ilmu dan membentuk pemikiran Islam yang tulen. Perbezaan pendapat ini menjadi sengit apabila para mufti memberi fatwa untuk mendapatkan habuan keduniaan berupa pangkat dan mendekati pemerintah. Timbulnya golongan yang tidak berkelayakan untuk membicarakan ilmu agama dan ilmu kalam dengan membuka pintu polemik dan perdebatan dengan sikap fanatik kepada kumpulannya. Sikap keterbukaan amat perlu kepada setiap individu ahli muzakarah dan dialog untuk mencari kebenaran dan keadilan terbaik. Bermuzakarah dan berdialog ini bukan tertumpu kepada soal pemerintahan tetapi ia juga berlaku antara suami isteri, anak dan bapa, jiran tetanga dan masyarakat. Pendek kata, ia berlaku dalam semua peringkat masyarakat dan adab-adab tersebut mestilah dipatuhi. Apabila adab-adab tersebut dipatuhi dan dihormati nescaya lahirnya masyarakat yang makmur dan dirahmati Allah.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim El-Muhamady. 2001. Adab Berijtihad dan Berikhtilaf Mengikut Syari'at. Kajang: Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam
- Abu Hulaiwah, Ibrahim Salim. 2011. Taha Jabir al-Alwani Tajaliyat al-Tajdid Fi Masru'ah al-Fikr. Beirut : Markaz al-Hadarah li Tanmiyah al-Fikr al-Islami
- Al-Alwani, Taha Jabir. 1987. Adab al-Iktilaf fi al-Islam. Virginia : IIIT
- \_\_\_\_\_.1992. al-Azmah al-Fikriah -Mu'asirah. Virginia : IIIT
- \_\_\_\_\_.1996. Ijtihad. Petaling Jaya : ABIM
- \_\_\_\_\_. 2003. La Ikraha fi al-Din. Kaherah : Maktabah al-Shuruq
- Al-Khin, Mustafa. 1994. Athar al-Ikhtilaf fi al-Qawa'id al-Usuliyyah fi Ikhtilaf al-Fuqaha', Beirut : Muassasah al-Risalah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1992. al-Sahwah al-Islamiah Bayn al-Ikhtilaf al-Masru' wa al-Tafarruq al-Mazmum. Kaherah: Dar al-Wafa'
- \_\_\_\_\_. 2002. al-Sahwat al-Islamiyyah min Murahaqah ila al-Rusyd. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Al-Rastaqi, Muhamad Suma'il Sayyid Abdul Rahman.2013. Perbandingan Pendapat Lama dan Pendapat Baru Imam al-Syafi'i. Jakarta : Pustaka Azzam
- Al-Syali, Abu Imamah Nurain. 2009. Al-Asas fi Fiqh al-Khilaf. Kaherah : Dar al-Salam
- Zaidan, Abdul Karim.2003. Perbezaan Dalam Syariat Islam. Kuala Lumpur : Pustaka Salam

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*